



**MAHATHIR MOHAMAD** mencuba peralatan yang dipamerkan ketika melawat ruangan pameran berkenaan industri kejuruteraan rel sempena pameran Technomart Rel 2019 di Cyberjaya, Selangor semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOP

Usaha galakkan penggunaan produk tempatan

# Sistem cukai mungkin diubah- PM

Oleh **SOFIAN BAHAROM**  
dan **YULPISMAN ASLI**  
pengarang@utusan.com.my

## ■ CYBERJAYA 16 APRIL

**T**UN Dr. Mahathir Mohamad berasa hairan terhadap kewujudan dasar kerajaan yang menggalakkan import berbanding eksport. Perdana Menteri sehubungan itu berkata, kerajaan akan melihat kemungkinan untuk menyusun semula sistem percukaian di negara ini dalam usaha menggalakkan penggunaan produk tempatan.

"Saya tidak tahu kenapa kerajaan mempunyai dasar yang dilihat menggalakkan import berbanding eksport.

"Kita tidak berkhidmat dengan negara kita sendiri (menerusi polisi ini) jadi kita perlu menukar dasar kerajaan. Ini akan melibatkan perancangan dalam menyusun semula cukai

melibatkan industri-industri tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi soal jawab selepas merasmikan pembukaan pameran Technomart Rel 2019 di sini hari ini.

Pameran serta pertunjukan teknologi dan inovasi kejuruteraan rel tempatan terbesar itu dianjurkan oleh Pertubuhan Industri Rel Malaysia (Maric) dengan kerjasama Kumpulan Usahasama Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (Might).

Menurut Perdana Menteri, ada rakyat Malaysia memandang rendah pencapaian bangsa dan negara sendiri serta gemar membeli produk import.

"Disebabkan itu banyak duit keluar sedangkan kita ada kemahiran bukan sahaja membina kereta api malah kapal terbang dibina di sini. Jadi keupayaan itu ada," katanya.

Mengulas lanjut Dr. Ma-

hathir menjelaskan, menerusi pendekatan itu, lebih banyak produk akan dikeluarkan menyebabkan pengurangan barangan import.

Walaupun langkah itu boleh menjadi dasar kerajaan, beliau berkata, rakyat tidak boleh dipaksa membeli barangan keluaran tempatan.

"Anda boleh bawa kuda ke air tetapi anda tidak boleh paksa-nya minum air itu," katanya.

Beliau berharap rakyat Malaysia dapat mencontohi masyarakat Jepun dan Korea yang cenderung untuk membeli produk mereka sendiri.

"Jika anda memilih produk tempatan, lama-kelamaan kualiti produk tersebut akan bertambah baik. Jika anda tidak menggalakkan produk tempatan dan membeli barang import, tiada peluang bagi produk kita untuk sampai ke standard antarabangsa," katanya.